

D848

U B129 AAB  
MAHATHIR - JAWATAN R R R  
DARIPADA AMIN HUSAINI HARUN

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU AKAN TERUS MENGEKALKAN JAWATAN YANG DIPEGANGNYA SEKARANG WALAUPUN SELEPAS MEMENANGI PEMILIHAN PARTI DENGAN KELEBIHAN SATU UNDI.

PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO ITU BERKATA TERDAPAT KHABAR-KHABAR ANGIN DAN DESAS-DESUS YANG MENGATAKAN BELIAU AKAN MELETAKKAN JAWATAN SEKIRANYA GAGAL MEMPEROLEHI UNDI YANG BANYAK.

+ADA ORANG BERKATA SAYA AKAN MELETAKKAN JAWATAN SEKIRANYA MEMENANGI JAWATAN PRESIDEN PARTI DENGAN UNDI 55-45 PERATUS ATAUPUN 51-49 PERATUS. TETAPI KALAU PUN SAYA MEMPEROLEHI KELEBIHAN SATU UNDI SAYA AKAN TERUS MENGEKALKAN JAWATAN.+

KETIKA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 100 ORANG MASYARAKAT MALAYSIA ANJURAN PERSATUAN ANAK MELAYU MALAYSIA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI ISTANA EDINBURGH DI SINI, BELIAU MENEGASKAN KEMENANGANNYA KELAK AKAN DIASASKAN KEPADA REKOD PERKHIDMATANNYA SELAMA INI KEPADA PARTI DAN NEGARA.

KATANYA KEMPEN YANG BERJALAN SEMASA PEMILIHAN HENDAKLAH BERLANDASKAN KEPADA REKOD PERKHIDMATAN SESEORANG CALON DAN TIDAK PERLUNYA MEMPUNYAI UNSUR-UNSUR MEMBURUK-BURUKKAN LAWAN. -- LAGI  
1800MST 30 03 87

U B132 AAB  
MAHATHIR - JAWATAN 2 BANDAR SERI BEGAWAN R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENDEDAHKAN ADANYA PERCUBAAN BEBERAPA NEGARA ASING YUANG BERUSAHA MEMPASTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TIDAK KUAT TERPILIH PADA PEMILIHAN BULAN DEPAN.

+ADA TANDA-TANDA BAHAWA NEGARA-NEGARA BERKENAAN CUBA MEMPENGARUHI AGAR PEMIMPIN YANG TIDAK KUAT DIPILIH MENERAJUI MALAYSIA SUPAYA PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU MUDAH TUNDUK KEPADA MEREKA.+

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMERLUKAN KESTABILAN POLITIK DAN KESTABILAN PARTI-PARTI POLITIK SUPAYA PARA PEMIMPINNYA DAPAT BERCAKAP DENGAN TEGAS DAN BERANI.

KATANYA, HANYA PEMIMPIN YANG KUAT SAHAJA DAPAT MEWUJUDKAN KESTABILAN POLITIK KERANA ADANYA SOKONGAN PADU RAKYAT YANG BERDIRI DI BELAKANG MEREKA.

BELIAU BERKATA PADA SEBARANG PEMILIHAN SUDAH TENTU BERLAKU PERGOLAKAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTA PARTI DAN TENTUNYA SESIAPA YANG MENANG TIDAK AKAN DAPAT SOKONGAN PADU. -- LAGI

1804MST 30 03 87

U B136 AAB  
MAHATHIR - JAWATAN 3 BANDAR SERI BEGAWAN R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH PENTING PADA PEMILIHAN INI TIDAK AKAN BERLAKU PERPECAHAN TETAPI YANG PENTING PEMIMPIN-PEMIMPINNYA TERUS MENDAPAT SOKONGAN YANG PADU SUPAYA BUKAN SAHAJA PARTI STABIL BAHKAN NEGARA TERUS KUKUH.

MENGENAI DAKWAAN SESETANGAH PIHAK YANG MENDAKWA KONONNYA KEJATUHAN HARGA BARANGAN MENTAH NEGARA DISEBABKAN OLEH SIKAP TEGAS NEGARA INI TERHADAP ZIONIS, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK FIKIR HARGA KOMODITI NEGARA INI BOLEH MENINGKAT DENGAN KITA BERBAIK-BAIK DENGAN ZIONIS, JUGA SAYA TIDAK PERCAYA HARGA ITU TELAH TURUN KERANA PERBALAHAN KITA DENGAN ZIONIS.+

KATANYA, KEJATUHAN HARGA KOMODITI TIDAK SAHAJA MENJEJASKAN MALAYSIA MALAHAN SEMUA NEGARA YANG MENGELUARKAN BARANGAN MENTAH SAPERTI PETROLEUM, KELAPA SAWIT, GETAH DAN BIJIH TIMAH.

SEBALIKNYA KATA BELIAU, TELAH ADA TANDA-TANDA KEADAAN EKONOMI BERTAMBAH BAIK BERIKUTAN MENINGKATNYA HARGA BARANG-BARANG KOMODITI. AKIBATNYA KINI SEMAKIN RAMAI ORANG ASING INGIN MEMBELI SAHAM DAN MELABUR DI MALAYSIA.

MENURUT BELIAU, SEHINGGA AKHIR TAHUN LEPAS KIRA-KIRA \$4,000 JUTA WANG ASING TELAH MEMASUKKI NEGARA INI UNTUK MEMBELI SAHAM DAN MEMBUAT PELABURAN.

-- LAGI  
1810MST 30 03 87

D863

U B140 AAB  
MAHATHIR - JAWATAN 4 BANDAR SERI BEGAWAN R R R

MENGENAI SARAWAK, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PUSAT TIDAK AKAN MENYOKONG PEMBANGKANG YANG MENENTANG CALON-CALON BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA NEGERI PADA PERTENGAHAN BULAN DEPAN.

KATANYA, KERAJAAN MENYOKONG KERAJAAN NEGERI DAN MEMINTA RAKYAT TIDAK MERASA RUNSING DENGAN PERGOLAKAN POLITIK YANG BERLAKU SEKARANG.

MENGENAI LAWATANNYA KE SINI, PERDANA MENTERI BERKATA HUBUNGAN DI ANTARA MALAYSIA DAN BRUNEI TELAH BERTAMBAH ERAT DAN AKAN DIPERTINGKATKAN LAGI PADA MASA HADAPAN MENERUSI PERTUKARAN LAWATAN PADA PERINGKAT MENTERI DAN PEGAWAI.

KATANYA, KEDUA-DUA NEGARA MEMPUNYAI KEPENTINGAN BERSAMA DALAM BANYAK BIDANG DAN MENASIHATI RAKYAT MALAYSIA YANG BEKERJA DI BRUNEI AGAR TIDAK MENJEJASKAN HUBUNGAN BAIK ITU SEBALIKNYA HENDAKLAH MENJALINKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN KERAJAAN DAN RAKYAT TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN HASIL PERBINCANGAN YANG DIADAKAN DENGAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH DAN MENTERI-MENTERI TEMPATAN AKAN DAPAT MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH YANG MUNGKIN WUJUD. -- LAGI

1825MST 30 03 87

U B141 AAB  
MAHATHIR - JAWATAN 5 BANDAR SERI BEGAWAN R R R

MALAM INI PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA AKAN DIRAIKAN DALAM SANTAPAN MALAM DI ISTANA NURUL IMAN.

ANTARA ANGGOTA ROMBONGAN PERDANA MENTERI IALAH MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK DR LING LIONG SIK, MENTERI KERJA RAYA, DATUK S. SAMY VELLU, MENTERI WILAYAH PERSEKUTAN, DATUK ABU HASSAN OMAR, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, JEN TAN SRFI GHAZALI CHE MAT, DAN KETUA POLIS NEGARA, TAN SRI HANIFF OMAR. -- BERNAMA

1826MST 30 03 87